

Pelanggan yang Dihormati,

Helaian Penerangan Produk ini direka untuk memberikan anda maklumat penting tentang Takaful myHome Cover anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Penerangan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga**

Tarikh: 1 Januari 2026

1 Apakah itu Takaful myHome Cover?

Takaful myHome Cover menyediakan perlindungan terhadap bangunan dan/atau kandungan yang terkandung dalam bangunan yang digunakan semata-mata untuk tujuan kediaman sahaja dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau sebarang peril yang dinyatakan dalam perlindungan sijil.

Konsep Syariah yang Diguna Pakai:

- **Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang balasan. Manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am (DTA) adalah berdasarkan Hibah.
- **Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad (Takaful Malaysia) untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi.
- **Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- **Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain.
- **Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan bayaran sebanyak **RM360.00** setahun, anda akan menerima **perlindungan** asas sijil Takaful myHome Cover seperti berikut:

Jumlah Perlindungan	RM500,000.00		
Pelan	Pelan 3		
Kelas Binaan	Hartanah Pemilik Rumah - Kelas 1A		
Sijil asas ini melindungi :	Sijil ini mengecualikan :		
Bahagian A • kebakaran, kilat, petir, kebakaran bawah tanah; • letupan; • pesawat & peranti udara lain dan/atau artikel tercicir; • kesan daripada mana-mana kenderaan jalan raya atau haiwan; • tangki air, radas, paip pecah, limpahan air; • kecurian (pecah masuk secara paksa dan kekerasan sebenar); • hurikan, siklon, taufan, angin rebut; • gempa bumi, letusan gunung berapi; • banjir; dan • rompakan dan tahanan; Bahagian B • kandungan isi rumah dikeluarkan sementara dari rumah; • pecah cermin; • pampasan kematian (disebabkan oleh pencuri dan/atau kebakaran); • harta pembantu rumah; • perlindungan sewa; dan • liabiliti kepada orang awam; Bahagian C • elaun bantuan – kebakaran dan/atau banjir (RM500) • kerosakan makanan dalam peti sejuk (sehingga RM100) • kos penggantian kunci (sehingga RM500) • kos penggantian dokumen undang-undang yang hilang (sehingga RM2,500) • kos perkhidmatan pembersihan/dobi (sehingga RM1,000); dan • kehilangan atau kerosakan pada penapis air (sehingga RM500)	• peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan atau sebarang tindakan keganasan. • pemberhentian kerja rampasan atas perintah kerajaan atau pihak berkuasa perbandaran awam atau tempatan. • letupan secara spontan. • senjata nuklear atau pengionan radiasi atau pencemaran. • apa jua bentuk kerugian atau kerosakan. • kerosakan harta ke atas data atau perisian. • seksyen “liabiliti kepada orang awam” tidak melindungi sebarang kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos yang melibatkan kerosakan melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, penghapusan atau pengelakan asbestos atau potensi terdedah kepada asbestos. • sebarang acara yang dilarang oleh prinsip Syariah. Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di bawah sijil ini.		
Dengan membuat sumbangan tambahan (Pelan 3), anda boleh menambah perlindungan untuk memasukkan:			
Bahagian A • kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau angin ribut kepada cerobong asap logam, bidai, kajang, papan tanda dan lekapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar; • pengubahan, pembaikan dan penambahan dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah perlindungan; • rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat; • kebakaran belukar/lalang; • kerosakan oleh pokok tumbang atau ranting dan objek; dan/atau • peningkatan.	Bahagian B • barangan dan perabot rumah tuan tanah di blok rumah pangsa/pangsapuri/kondominium;; • plat kaca; • perlindungan tanah mendap dna gelinciran tanah (standard); • perlindungan tanah mendap dan gelinciran tanah (tidak termasuk proviso A dalam pernyataan sijil); • tambahan perlindungan sewa; dan/atau • peningkatan had liabiliti kepada orang awam.	Manfaat Tambahan • perlindungan ansuran pinjaman/pembiayaan gadai janji; dan/atau • perlindungan tuan tanah.	
Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.			

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berhubung Takaful myHome Cover, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-300 88 252 385



Layari kami di:
www.takaful-malaysia.com.my/products/takaful-myhome-cover/



E-mel kami di:
csu@takaful-malaysia.com.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Bagi Takaful myHome Cover ini, anda perlu membuat sumbangan sejumlah:

Perlindungan Asas	RM360.00 (setahun)
Perlindungan Tambahan	
Bahagian A	
- kerugian atau kerosakan disebabkan oleh hurikan, siklon, taufan atau angin ribut kepada cerobong asap logam, bidai, kajang, papan tanda dan lekapan luar yang lain termasuk pintu pagar dan pagar; - pengubahan, pembaikan dan penambahan dua puluh lima peratus (25%) daripada jumlah perlindungan; - rusuhan, mogok dan kerosakan berniat jahat; - kebakaran belukar/lalang; - kerosakan oleh pokok tumbang atau ranting dan objek; dan/atau - peningkatan.	RM40.00 RM22.50 RM40.00 RM20.00 RM40.00 RM34.37
Bahagian B	
- barangan dan perabot rumah tuan tanah di blok rumah pangsa/pangsapuri/kondominium; - plat kaca; - perlindungan tanah mendap dan gelinciran tanah (<i>standard</i>); - perlindungan tanah mendap dan gelinciran tanah (tidak termasuk proviso (a)); - tambahan perlindungan sewa; dan/atau - peningkatan had liabiliti kepada orang awam.	RM216.00 RM200.00 RM324.00 RM8.10 RM94.08 RM10.00
Manfaat Tambahan	
- perlindungan ansuran pinjaman/pembiayaan gadai janji; dan/atau - perlindungan tuan tanah.	RM95.00 RM560.00
Jumlah sumbangan takaful	RM2,064.05

Anda juga perlu membuat yuran dan caj seperti berikut:

Yuran Wakalah (sebahagian daripada jumlah sumbangan takaful RM2,064.05)	43% daripada jumlah sumbangan takaful, atau RM887.52 , di mana: - Komisen 15% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM309.61 - Perbelanjaan Pengurusan 28% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM577.93
Caj lain yang dikenakan	Cukai Perkhidmatan 8% daripada jumlah sumbangan takaful atau RM165.12
Duti Setem	RM10.00 <i>Duti setem bagi sumbangan yang tidak melebihi RM150.00 (untuk Peserta Individu) dan RM250.00 (untuk Peserta Korporat) adalah dikecualikan sehingga 31/12/2028.</i>
Jumlah sumbangan takaful yang perlu dibayar	RM2,239.17

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat semasa membuat permohonan.
- Anda mesti memastikan bahawa harta anda dilindungi dengan jumlah yang sesuai dengan mengambil kira ubah suai yang dibuat pada harta anda. Jumlah dilindungi tersebut hendaklah meliputi kos membina semula harta tersebut sekiranya berlaku sebarang kerugian atau kerosakan, sama ada pada:
 - Asas nilai pasaran – kami akan membayar kos penuh memperbaiki kerosakan harta tolak amaun haus, lusuh dan susut nilai.
 - Asas nilai penggantian – kami mengembalikan, memperbaiki atau mengganti kerugian atau kerosakan harta tanpa sebarang tolakan dibuat bagi haus, lusuh atau susut nilai dengan syarat jumlah yang dilindungi mencukupi untuk melindungi kos penggantian.
- Anda mesti memaklumkan Takaful Malaysia atau ejen anda yang sah anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda
- Anda mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga untuk keselamatan harta yang dilindungi.
- Ekses adalah amaun pertama kerugian yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.
- Warranti Sumbangan Takaful – Sumbangan tertunggak kepada Takaful Malaysia mesti dibayar dan diterima oleh Takaful Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kuat kuasa. Sekiranya syarat tidak dipatuhi, kontrak ini akan dibatalkan secara automatik dan Takaful Malaysia berhak mendapat sumbangan prorata untuk tempoh perlindungan yang diberikan oleh Takaful Malaysia.

Nota: Senarai di atas **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah sijil ini.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Boleh. Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada Unit Khidmat Pelanggan (CSU) kami melalui e-mel, dengan mengunjungi mana-mana Takaful myCare Centres (TMCC) atau ejen yang sah, atau melalui portal [myTakaful Customer](#). Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan secara prorata daripada sumbangan dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan. Tiada yuran pembatalan akan dikenakan.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)] adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH PRODUK YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (PIDM) SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. SILA RUJUK BROSUR SISTEM PERLINDUNGAN MANFAAT TAKAFUL DAN INSURANS (TIPS) PIDM ATAU HUBUNGI TAKAFUL MALAYSIA ATAU PIDM (LAYARI WWW.PIDM.GOV.MY/MY).